

Pastikan seratus peratus mengundi

BM 21 OCT 1950

(M)

Oleh MAHFAR ALI

JITRA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu 100 peratus penyokong Barisan Nasional (BN) keluar mengundi dalam pilihanraya umum hari ini Menurut Perdana Menteri, penyokong BN mempunyai tanggungjawab berat bagi memastikan orang yang belot, seperti Semangat 46, tidak mendapat peluang langsung untuk memenangi pilihanraya ini.

"Kita mahu orang yang belot ini serik dan menunjukkan kepada rakyat yang orang macam ini tidak mempunyai peluang di Malaysia," katanya kepada penyokong dan pekerja BN di Bilik Gerakan BN bagi peti undi kawasan Malau dan Padang Panjang dekat sini, semalam.

Di majlis itu, Perdana Menteri juga menolak dakwaan kononnya calon Semangat bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jitra, Abdul Rashid Mohamad Salleh, mempunyai kaitan kekeluargaan dengannya.

Mengenai Pas, Perdana Menteri berkata, sikap pemimpin Pas yang membisu mengenai kerjasama Semangat 46 dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) menunjukkan Pas seolah-olah menyokong pakatan itu.

Menurutnya, Pas juga sanggup menyuruh ahlinya mengundi DAP dengan tidak bertanding menentang calon DAP, seperti di DUN Kota Darulaman, sedangkan Timbalan Pengerusi DAP, Encik Karpal Singh, secara terang menentang perjuangan untuk menegakkan negara Islam.

Sementara itu, berucap di majlis perjumpaan dengan penduduk di Sekolah Menengah Hosba malam semalam, Perdana Menteri menasihatkan ahli Pas supaya berfikir dengan bijak dan jangan terlalu terikut dan percaya dengan pemimpin Pas.

Menurutnya, pemimpin Pas dulu berjuang mengikut prinsip parti, tetapi pemimpin Pas sekarang tidak berpegang kepada perjuangan asal Pas.

Perdana Menteri juga membidas Semangat 46 kerana mengadakan kerjasama dengan parti yang bersikap pelampau semata-mata untuk memenangi pilihanraya.

"Umno bekerjasama dengan MCA, Gerakan dan MIC, tetapi tidak sampai membelakangkan kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam.

"Anggota komponen BN bersikap sederhana dan tidak keterlaluan sehingga meminta berlebihan-lebihan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, BN memerintah dengan adil, malah Umno tidak tamak dan sedia memberi tempat untuk orang Cina dan India, termasuk di kawasan majoriti orang Melayu.

"Ini kerana kita tidak mahu orang India dan Cina tiada dalam kerajaan. Dengan adanya semua kaum dalam kerajaan campuran, kita dapat mengekalkan keamanan dan keselamatan negara," katanya.